

Kerja naik taraf Sungai Segget punca banjir kilat

» *Jalan Wong Ah Fook dinaiki air menyebabkan dua lorong tidak dapat dilalui kereta*

Oleh Mohd Fahmi Mohd Yusof

mohdfahmi@bh.com.my

■ **Johor Bahru**

Kerja menaik taraf Sungai Segget didakwa antara punca Jalan Wong Ah Fook serta sekitarnya dilanda banjir kilat selepas hujan lebat sejam, semalam.

Jalan itu dinaiki air sehingga menyebabkan dua lorongnya tidak dapat dilalui kenderaan selepas hujan lebat melanda sejak jam 2 petang sebelum pulih jam 3.30 petang.

Ketua WHIP Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), Datuk Yahya Jaafar, berkata sejak kerja naik taraf Sungai Segget dilakukan, air naik dengan cepat di kawasan berkenaan.

Katanya, sebelum ini tidak

pernah berlaku banjir kilat di kawasan ini.

“Bagaimanapun, MBJB sentiasa membuka pintu laluan air di kawasan berkenaan, selain membina benteng yang membolehkan air dapat surut dalam tempoh waktu singkat,” katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Tidak jejas perniagaan

Katanya, MBJB tidak menerima laporan kerugian peniaga sekitar kawasan berkenaan dan pihaknya turut difahamkan hanya beberapa premis dimasuki air, namun tidak menjejaskan perniagaan mereka.

Jurucakap Bomba dan Penyelamat Johor, berkata kawasan lain yang dilanda banjir kilat termasuk jejambat Taman Rinting di Lebuhraya Pasir Gudang dan Jalan Masai Lama di sini yang turut menyebabkan laluan kedua-dua hala terhalang untuk dilalui kenderaan.

“Tiada kemalangan jiwa dilaporkan dan tiada pusat pemindahan dibuka susulan banjir kilat itu,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Seorang pekerja di kawasan berkenaan yang dikenali sebagai Kelly, berkata banjir kilat kebelakangan ini sering berlaku di Jalan Wong Ah Fook.



Keadaan di Jalan Wong Ah Fook yang **dinaiki air** akibat hujan lebat, semalam.

[FOTO IHSAN PEMBACA]